

ABSTRAK

Penyelidikan ini hanya tertumpu kepada pendekatan-pendekatan dan strategi-strategi yang perlu di ambil oleh seseorang penterjemah itu dalam mencari padanan yang terdekat dan sejadi bagi kata nama. Walau bagaimanapun pendekatan-pendekatan dan strategi-strategi yang akan dikemukakan adalah merupakan satu cadangan daripada penulis setelah mengambil kira sampel-sampel yang telah dipetik daripada dua buah novel bahasa Jepun iaitu novel *Hatsukoi* karya Tatsuya Yoshimura dan novel *Hyaku Ikkai Me no Purupousu* karya Shinji Yojima.

Penulis berpendapat kajian mengenai padanan terjemahan ini adalah penting kerana ketepatan sesuatu terjemahan itu bergantung penuh kepada kebijaksanaan seseorang penterjemah memilih padanannya. Kita tidak boleh lagi beranggapan bahawa proses penterjemahan adalah sama seperti proses menggantikan satu perkataan dari bahasa sumber kepada satu perkataan dari bahasa sasaran. Proses penterjemahan sebenarnya juga melibatkan proses pemindahan mesej dari bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Justeru itu apabila pemilihan padanan dibuat, seseorang penterjemah itu seharusnya memastikan bahawa padanan yang dipilih itu dapat membawa mesej sebagaimana teks asal disamping memastikan bahawa ianya seharusnya sejadi dengan dunia bahasa sasaran.

ABSTRACT

This research focuses on the approaches and strategies to be taken by any translator in the search for the closest natural equivalence for any given noun. However the approaches and strategies are only a suggestion based on the writer's extracted samplings from the two Japanese novels, namely *Hatsukoi* by Tatsuya Yoshimura and *Hyaku Ikkai Me no Puropousu* by Shinji Yojima.

In the writer's opinion, this research on translation equivalence is important as accuracy in any translation will fall greatly on the mastery and intelligence of a translator in finding the closest equivalence. We can no longer think that the translation process is a matter of substituting a word from the source language to the target language. The translation process involves the transfer of message from the source language to the target language. Therefore when one translates, one has to make sure that the word one has chosen can carry the same message as per the original text whilst ensuring that it is relative to the nature of the target language.